



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**20 Disember 2023
07 Jamadilakhir 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Udang gantung sumber rezeki nelayan darat• Tengkujuh: Ikan baung laris dalam sejam
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Harga sayur, ikan di Johor tidak naik ketika monsun
Kosmo !	
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL			30	20-12-2023

Udang gantung sumber rezeki nelayan darat

di Negeri Sembilan

SETIU: Aktiviti menangkap udang gantung iaitu spesies udang air tawar di Sungai Setiu menjadi lubang rezeki buat nelayan darat di Kampung Beris Tokku, di sini, pada musim Monsun Timur Laut (MTL).

Wan Faisal Wan Ismail, 36, berkata, udang tersebut hanya muncul di sungai pada musim tengkujuh dan ia ditangkap menggunakan peralatan tradisional dikenali gogoh atau bubu.

"Udang tersebut dipanggil udang gantung kerana sifat semula jadinya yang merayap-rayap dan tergantung pada pokok di sungai.

"Bagi nelayan darat, musim tengkujuh ini memang waktu yang ditunggu kerana ketika ini udang gantung mendapat permintaan yang tinggi daripada pelanggan di negeri Terengganu dan Kelantan," katanya ketika ditemui di Kampung Beris Tokku di sini semalam.

Menurut Wan Faisal, udang gantung mempunyai saiz yang lebih kecil namun rasanya lebih sedap berbanding spesies udang biasa di pasaran.

Jelasnya, hasil jualan udang gantung rata-rata nelayan mampu meraih pendapatan mencecah RM1,000 sehari.

Katanya, udang gantung tersebut dijual pada harga RM22 hingga RM25 sekilogram mengikut saiz.

Sementara itu, Mohd. Raihan Fahmi Mohd. Satar, 24, berkata, udang gantung selalunya hanya boleh didapati pada musim banjir dari November hingga Januari sahaja.

"Selalunya nelayan yang menjalankan aktiviti mencari udang gantung ini akan memasang gogoh di kawasan tepi sungai pada waktu petang dan mengambil hasil tangkapan keesokan pagi sebelum dijual kepada pemborong atau secara runcit," katanya.

UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		31	20.12.2023

Tengkujuh: Ikan baung laris dalam sejam



MOHD. Zulkairi Abdul Rahman menjual ikan baung di Kampung Che Lijah, Dungun, semalam.

DUNGUN: Musim tengkujuh memberi limpahan rezeki kepada seorang peniaga ikan sungai apabila lebih 120 kilogram ikan baung yang dijualnya di Kampung Che Lijah, di sini 'licin' dibeli orang ramai hanya dalam tempoh satu jam.

Mohd. Zulkairi Abdul Rahman, 50, yang tinggal di Kampung Durian Mentangau, berkata, ikan baung sungai yang ditangkap menggunakan bubu dan pukat di Sungai Paka, mendapat permintaan tinggi setiap kali musim tengkujuh.

"Alhamdulillah, memang setiap kali musim tengkujuh ikan sungai yang saya tangkap laris dijual.

"Setiap hujung minggu, saya dapat menjual lebih 100 kilo-

gram ikan sungai dan antara yang mendapat permintaan tinggi ialah ikan baung," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*, di sini, semalam.

Mohd. Zulkairi yang dibantu menantunnya, Mohd. Sabri Kamaruddin, 30, berkata, dia menjual ikan baung dengan harga RM30 untuk satu kilogram.

"Kami hanya berniaga tiga hari seminggu iaitu pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Biasanya kami dapat RM300 hingga RM400 sehari," katanya.

Sementara itu, Mohd. Sabri berkata, selain ikan sungai, mereka turut menjual ikan patin dan tilapia yang ternak dalam sangkar.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL			
							13	20.12.2023

Harga sayur, ikan di Johor tidak naik ketika monsun Hm 13

Johor Bahru: Kerajaan negeri memberi jaminan harga sayur-sayuran dan hasil laut di negeri ini tidak terjejas walaupun terdapat kemungkinan berlaku banjir akibat Monsun Timur Laut.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri Datuk Zahari Sarip berkata, beberapa langkah sudah diambil bagi memastikan perkara berkenaan tidak berlaku.

Menurutnya, ia termasuk memastikan bekalan mencukupi bagi mengelakkan berlaku peningkatan harga dalam tempoh itu.

Katanya, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang aduan terdapat kekurangan bekalan, sama seperti tahun-tahun lalu.

“Sebagai persediaan hadapi monsun, inisiatif awal diambil bagi memastikan tiada kekurangan bekalan atau kenaikan harga ketara.

“Bagi hasil pertanian, kita nasihat petani di mana kawasan pertanian mereka kerap terjejas banjir untuk berpindah ke kawasan selamat manakala bagi yang tiada tanah, usahakan untuk lakukan sistem fertigasi.

“Sementara bagi bekalan ikan pula, saya sudah lawat pusat pengumpulan ikan di Mersing dan dapati kita mempunyai stok mencukupi sekiranya berlaku banjir akhir tahun ini sehingga Januari depan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Majlis Apresiasi Pensijilan Ama-

lan Pertanian Baik di sini, kelmarin.

Zahari berkata, pihaknya yakin usaha awal dilakukan kerajaan negeri dan agensi terbabit akan dapat memastikan tiada isu kekurangan bekalan keperluan asas berlaku sekiranya banjir melanda.

Menurutnya, beliau turut memaklumkan pejabat daerah dan ketua kampung diminta mempersiapkan kemudahan asas di pusat pemindahan sementara (PPS) sebagai persediaan awal menghadapi banjir.

“Kita tidak mahu sekiranya berlaku banjir dan mangsa dipindahkan ke PPS kemudian baharu dimaklumkan tandas tidak berfungsi dan tiada bekalan elektrik, jadi kita lakukan persiapan awal,” katanya.